

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 FEBRUARY 2017

Dr M disifati 'harimau tua' patut bersara

BH- 28/2/2017

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad disifatkan 'harimau tua' yang sepatutnya bersara kerana sering mengeluarkan kenyataan memalukan sama ada dengan niat berbohong untuk kepentingan politik atau nyanyuk.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad, berkata realiti ketika ini menunjukkan rakyat Malaysia tidak mahu lagi mempercayai sebarang kata-kata dikeluarkan bekas Perdana Menteri itu.

"Titah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, baru-baru ini memberi gambaran mengenai Dr Mahathir yang dahulu mengatakan pembangkang adalah musuh tetapi kini dia boleh duduk semeja dengan mereka dan menjadi rakan karib.

"Dr Mahathir turut menjulang media Barat dengan mengatakan laporan mereka kini semua fakta, sedangkan dulu ia dikatakan sekadar mereka cerita.

"Kritikan Melayu mudah lupa juga seakan memakan diri apabila

Dr Mahathir seolah-olah menjadi pelupa atau mungkin nyanyuk sedikit (kerana usia tua)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Tak dapat beza fakta, rekaan

Tengku Sariffuddin berkata sehingga kini pelbagai dakwaan dangkal dilemparkan Dr Mahathir, termasuk cubaan menjatuhkan imej negara demi kepentingan peribadi dengan mengatakan bahawa Malaysia adalah antara 10 negara paling korup di dunia.

Bagaimanapun, hakikat menun-

jukkan Malaysia adalah negara ke-55 paling tidak korup di dunia seperti dipaparkan senarai terkini Transparency International, sekaligus menimbulkan persoalan bahawa Dr Mahathir sekadar berbohong atau tidak lagi mampu bezakan antara fakta dan rekaan.

Sementara itu, bekas Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Tan Sri Dr Rais Yatim mendakwa Dr Mahathir menasihatnya agar menjauhi Penasihat DAP, Lim Kit Siang demi kepentingan Melayu dan Islam pada 1993.

Bagaimanapun, katanya, kini bekas Perdana Menteri itu yang bekerjasama dengan Kit Siang untuk menjatuhkan Barisan Nasional (BN) sehingga terlupa tindakan itu boleh menyebabkan Melayu hilang kuasa pada masa depan.

"Pada 1993, saya adalah Timbalan Presiden Parti Semangat 46 (S46). S46 dan DAP adalah sekutu dalam Angkatan Perpaduan Ummah. Dr Mahathir jumpa saya dan minta jangan bersekongkol dengan DAP kerana Kit Siang anti-Melayu dan Islam," katanya.